

**MAJLIS MENAIKKAN BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN
HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE 41**



1. Pada 19 Februari 2025, Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Republik Arab Mesir telah mengadakan Majlis Menaikkan Bendera sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke 41, bertempat di pejabat Kedutaan.
2. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Pg Md Salimin bin Pg Md Daud, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Pegawai-Pegawai Kedutaan Besar dan keluarga dan kakitangan ambilan tempatan, serta wakil pelajar Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir.
3. Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Al Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan. Acara kemudiannya diteruskan dengan upacara menaikkan bendera diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan “Allah Peliharakan Sultan”.
4. Majlis seterusnya diteruskan dengan nyanyian beramai lagu patriotik kebangsaan: Tekad Kemerdekaan dan Berkibarlah Bendera. Ini kemudian diikuti dengan persembahan sajak yang disembahkan oleh pelajar-pelajar NBD.
5. Majlis berkenaan diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam serta menanamkan semangat patriotism dan cintakan negara.
6. Majlis diakhiri dengan jamuan ringan.
